

Usaha galak Melayu rela jaga pesakit

Oleh NADZRI EUNOS
nadzri@sph.com.sg

MASYARAKAT Melayu Singapura secara am-sedar cara-cara mengelak dijangkiti penyakit Aids/HIV, tetapi hanya segelintir sanggup menerima anggota keluarga dan masyarakat yang menghidap penyakit itu.

Oleh itu, Lembaga Penggalak Kesihatan (HPB) berharap dapat memaklumkan dan menggalak masyarakat Melayu agar lebih berlapang dada terhadap pesakit HIV/Aids.

Ini akan dilakukan menerusi pendekatan pendidikan awam menyeluruh merangkumi karnival bahan-bahan pendidikan dan kem-

pen di media massa.

Siri karnival yang diberi nama *Fiesta Famili* itu dianjurkan HPB dengan sokongan persatuan Action for Aids (Afa) dan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di tiga divisyen – Eunost dan Aljunied-Hougang (GRC Aljunied dan Woodlands (GRC Sembawang).

Sambil bersukaria pengunjung diharap dapat meningkatkan kefahaman mereka mengenai penyakit HIV/Aids.

“Adalah penting mengetahui fakta mengenai HIV/Aids dan menolak dongeng dan prasangka terhadap penyakit itu,” kata Timbalan Pengarah Pendidikan Penyakit Berjangkit HPB, Cik Mandy Govender.

Karnival pertama berlangsung Sabtu lalu di Kelab Masyarakat (CC) Eunost dan dirasmikan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed.

Dua lagi karnival akan diadakan, di CC Woodlands pada 31 Januari, dari 1.30 hingga 5 petang dan CC Hougang pada 6 Februari, pada waktu sama.

Tinjauan Pemantauan Sikap Nasional yang dijalankan setiap empat tahun mendapati meskipun 74 peratus responden Melayu sedar mengenai cara-cara mengelak jangkitan HIV/Aids, hanya sekitar separuh, iaitu 53 peratus, sanggup menjaga ahli keluarga mereka yang menghidap penyakit itu di rumah mereka.

Tinjauan itu juga mendapati hanya 16 peratus responden Melayu rela mengongsi makanan dengan pesakit HIV/Aids.